

CNS6438

U GB 07-03 00178 BH878

bah

KAJIAN MENDALAM UNTUK ETIKA RAJA-RAJA

Mahathir - Etika

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini melantik tujuh anggotanya bagi menyediakan kertas kerja mengenai satu Kod Etika (Tatacara Perilaku) Raja-Raja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden UMNO, berkata kod terperinci dan lengkap terutamanya mengenai hubungan raja-raja dan kerajaan, diperlukan supaya tidak ada sebarang salah faham lagi.

Jawatankuasa itu dianggotai oleh ketiga-tiga Naib Presiden Umno iaitu, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi dan Datuk Seri Sanusi Junid, selain Ketua Pemuda, Datuk Seri Najib Tun Razak, Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, Bendahari, Tun Daim Zainuddin dan Setiausaha Agung, Datuk Mohamed Rahmat, katanya Dr Mahathir kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi di sini hari ini.

Katanya, kertas kerja itu akan diedarkan kepada anggota majlis secepat mungkin bagi membolehkan mereka mengkajinya sebelum keputusan muktamad dibuat.

Beliau berkata, jika perlu mesyuarat Majlis Tertinggi Umno akan diadakan sekali lagi pada bulan puasa ini bagi membincangkan perkara itu. -- Lagi

▼07/03/21-35MST

CNS6440

U GB 07-03 00163 BH879

bah

Mahathir - Etika 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata mesyuarat hari ini, yang memakan masa hampir tiga jam dan berakhir sebelum waktu berbuka puasa, banyak membincangkan mengenai isu Kod Etika Raja-Raja dan cadangan pindaan Perlembagaan.

Beliau berkata mesyuarat berpendapat cadangan pindaan Perlembagaan perlu dikaji dengan lebih mendalam sebelum sebarang keputusan dibuat.

Pindaan itu bertujuan mengadakan peraturan mengenai perlantikan Menteri Besar, anggota Exco Kerajaan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri, pegawai kewangan negeri dan penasihat undang-undang negeri tanpa campur tangan istana.

Pada 25 Feb, semua anggota Majlis Tertinggi, kecuali Presiden dan Timbalan Presiden, telah menghadap Raja-raja bagi mempersembahkan memorandum mengandungi pandangan UMNO mengenai pembabitan istana dalam politik, pentadbiran dan perniagaan kepada Majlis Raja-Raja.

Keesokannya, ketiga-tiga naib presiden bersama dengan setiausaha agung dan bendahari, dipanggil semula oleh Majlis Raja-raja yang mahukan penyediaan Kod Etika itu disegerakan.

Mesyuarat hari ini juga membincangkan pilihan raya kecil Bukit Payong dan masalah orang-orang Islam di Myanmar.-- Lagi

▼07/03/21-49MST

CNS6441

bah

Mahathir - Etika 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata calon Barisan Nasional untuk pilihan raya itu masih belum ditentukan.

Majlis Tertinggi, kata beliau, berasa +khuatir sedikit+ kerana sejarah pilihan raya Bukit Payong tidak begitu baik disebabkan di situ biasa berlaku keganasan.

Katanya, Majlis Tertinggi meminta Kementerian Dalam Negeri memberi perhatian yang khusus terhadap pilihan raya di situ untuk menentukan supaya rakyat boleh mengundi dengan selamat.

Dr Mahathir berkata Majlis Tertinggi juga berpendapat masalah orang Islam diusir dari Myanmar harus diberi pandangan yang berat dan meminta kerajaan membuat satu pendirian berhubung isu itu.

Majlis Tertinggi juga menerima permohonan Encik Mazlan Abu, bekas Ketua Bahagian Bakri di Johor dan bendahari Parti Semangat 46 Johor serta 400 orang pengikutnya untuk menjadi anggota UMNO. -- Bernama

▼07/03/21-53MST •